



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>FIQH IBADAH</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI1013</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
  
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, EMPAT (4) soalan dari BAHAGIAN B dan DUA (2) soalan sahaja dari BAHAGIAN C.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Apakah maksud fiqh dari segi bahasa?
  - A. Faham
  - B. Fasih
  - C. Faqih
  - D. Nasihat
  
2. Antara perkara yang termasuk dalam rukun haji ialah
  - A. Wukuf di Arafah
  - B. Bermalam di Muzdalifah
  - C. Melontar Jamrah
  - D. Tawaf Wida'
  
3. Salah satu benda yang TIDAK boleh digunakan untuk beristinja' ialah?
  - A. Batu
  - B. Tulang
  - C. Daun kering
  - D. Ranting kayu
  
4. Berapakah tempoh sapuan khuf bagi orang yang bermukim?
  - A. 1 hari 1 malam
  - B. 3 hari 3 malam
  - C. 7 hari 7 malam
  - D. Sehingga khuf tercabut

5. Sekiranya seorang pesakit perlu meletakkan balutan, perkara yang wajib dilakukannya ialah?
- i- Membasuh bahagian yang tidak sakit pada anggota yang luka
  - ii- Menyapu seluruh balutan
  - iii- Bertayamum
  - iv- Berwuduk
- A. i,ii dan iii  
B. i,ii dan iv  
C. i,iii dan iv  
D. i,ii,iii dan iv
6. Apabila seseorang itu tidak gemar, tiada kemampuan dari segi nafkah (zahir dan batin), berpenyakit, sudah tua, mati pucuk dan lain-lain, maka dalam situasi sebegitu hukum perkahwinan ialah
- A. Haram  
B. Makruh  
C. Mubah  
D. Sunat
7. Antara kenyataan berikut, yang manakah **BENAR** tentang tanggungjawab ibu bapa terhadap anak?
- A. Mengaqiqahkan anak tidak perlu dilakukan oleh ibu bapa  
B. Ibu bapa yang kaya tidak perlu melatih anaknya bersikap sederhana kerana mereka mampu dalam segala hal  
C. Ibu bapa hendaklah mengajar anak-anaknya membaca al-Quran berserta tajwid, hukum-hukum dan tafsiran al-Quran  
D. Ibu bapa boleh memberi nafkah kepada anak-anak mereka daripada sumber yang haram

8. Apakah hukum mengulangi solat bagi menyempurnakan kekurangan pada solat itu?

- A. Wajib
- B. Sunat
- C. Harus
- D. Makruh

9. Perkara yang haram dilakukan disebabkan *janabah* ialah?

- i- Solat fardhu
- ii- Duduk di dalam masjid
- iii- Membawa al-Quran dalam peti
- iv- Tawaf mengelilingi Ka'abah

- A. i,ii dan iii
- B. i,ii dan iv
- C. i,iii dan iv
- D. i, ii,iii dan iv

10. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** syarat tayamum?

- A. Mengetahui masuk waktu
- B. Mencari air selepas masuk waktu
- C. Menyapu muka dan kedua tangan
- D. Menghilangkan najis terlebih dahulu

11. Bilakah waktu yang dimakruhkan solat?

- A. Ketika terbit matahari
- B. Ketika awan melindungi matahari
- C. Ketika matahari berada di tengah langit
- D. Ketika matahari berada di ufuk barat

12. *Toma'ninah* bermaksud \_\_\_\_\_.
- A. Berniat sebelum melakukan sesuatu rukun
  - B. Berada dalam keadaan tetap atau tenang
  - C. Keadaan berdiri sebentar semasa solat
  - D. Setiap rukun perlu diselangi dengan *toma'ninah*
13. Pilih pernyataan yang **BETUL** mengenai syarat *i'tidal*.
- A. Perlu *qasad* selain daripada ibadat
  - B. Berada dalam keadaan *toma'ninah*
  - C. Hendaklah ditekan dahi ke tempat sujud
  - D. Hendaklah berdiri lebih daripada masa membaca *Fatihah*
14. Perkara yang termasuk dalam sunat *ab'ad* ialah..
- i- *Tasyahhud awal*
  - ii- Selawat ke atas keluarga Nabi
  - iii- Membaca qunut ketika solat subuh
  - iv- Mengangkat tangan ketika *takbiratul ihram*
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. i, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv
15. *Sunnah Qauliyyah* ialah
- A. Segala perbuatan Nabi Muhammad S.A.W yang diberitakan oleh para sahabatnya
  - B. Persetujuan atau ketetapan baginda S.A.W dalam bentuk lisan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan oleh para sahabatnya
  - C. Segala tingkahlaku dan perkataan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W
  - D. Segala perbuatan atau ucapan Nabi Muhammad S.A.W yang ada hubungan dengan pembinaan hukum Islam

16. Secara literal, istilah jihad yang berasal daripada bahasa Arab bermaksud
- A. Kesungguhan dalam melakukan sesuatu
  - B. Ketabahan dalam melakukan sesuatu
  - C. Kesulitan dalam melakukan sesuatu
  - D. Kelaziman dalam melakukan sesuatu
17. Qisas dan hudud merupakan dua bentuk hukuman dalam undang-undang jenayah Islam. Pilih pernyataan yang **BENAR**
- A. Hukuman hudud hanya dilaksanakan sekiranya dituntut oleh mangsa ataupun keluarga mangsa
  - B. Hukuman hudud dilaksanakan mengikut kadar kecederaan mangsa
  - C. Hukuman qisas tetap wajib dilaksanakan walaupun tidak dituntut oleh mangsa atau keluarganya
  - D. Hukuman qisas tidak boleh dikenakan tanpa tuntutan daripada mangsa atau keluarganya
18. Apakah maksud duduk tawaruk?
- A. Duduk antara dua sujud
  - B. Duduk tahiyat awal
  - C. Duduk tahiyat akhir
  - D. Duduk di akhir solat
19. Siapakah individu pertama yang menghimpunkan orang ramai untuk menunaikan solat jumaat di Madinah?
- A. As'ad bin Zurarah r.a
  - B. Ali bin Abi Talib r.a
  - C. Bukhari wa Muslim
  - D. Yusof al-Qardawi

20. Apakah hukum solat hari raya?

- A. Wajib
- B. Sunat
- C. Sunat muakkad
- D. Mubah

(20 markah)

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

### SOALAN 1

- 1. Apakah maksud azan? (2 markah)
- 2. Sebutkan **EMPAT (4)** syarat sah azan. (4 markah)
- 3. Nyatakan **EMPAT (4)** perkara sunat semasa azan. (4 markah)

### SOALAN 2

- 1. Berikan definisi puasa dari sudut syarak. (2 markah)
- 2. Terangkan **DUA (2)** cara menetapkan bulan Ramadhan. (2 markah)
- 3. Nyatakan rukun puasa. (2 markah)
- 4. Sebutkan **EMPAT (4)** adab puasa. (4 markah)



**SOALAN 3**

1. Apakah maksud zakat dari segi segi istilah? (2 markah)
2. Tuliskan dalil pensyariatan zakat. (2 markah)
3. Nyatakan **TIGA (3)** syarat wajib zakat. (3 markah)
4. Berikan **TIGA (3)** haiwan ternakan yang boleh dizakatkan. (3 markah)

**SOALAN 4**

1. Terangkan **DUA (2)** perbezaan haji dan umrah. (4 markah)
2. Sebutkan **EMPAT (4)** syarat wajib haji dan umrah. (4 markah)
3. Nyatakan **DUA (2)** jenis kemampuan dalam menunaikan haji dan umrah. (2 markah)

**SOALAN 5**

1. Senaraikan **EMPAT (4)** bahagian air. (4 markah)
2. Nyatakan **EMPAT (4)** anggota fardhu wudhuk. (4 markah)
3. Sebutkan **DUA (2)** benda yang tidak boleh digunakan untuk beristinja'. (2 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan. Jawab DUA (2) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Pada pendapat anda, apakah langkah yang praktikal bagi memastikan seseorang individu dapat menyempurnakan kewajipan solat 5 waktu?

(10 markah)

**SOALAN 2**

Haji merupakan salah satu rukun yang wajib dilaksanakan jika berkemampuan. Jelaskan LIMA (5) hikmah dan kelebihan haji dan umrah.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan kepentingan melaksanakan ibadah dan kesannya kepada individu dan masyarakat.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Terangkan kelebihan berpuasa dan kesannya kepada pembentukan akhlak dan jati diri individu.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT